

09 FEB 2001

MCA-Kabinet

"SAYA AKAN TERUS BERKHIDMAT", KATA CHUA JUI MENG

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini berkata beliau akan terus berkhidmat dalam Kerajaan selagi khidmat beliau diperlukan.

Ketika mengulas laporan berita bahawa beliau akan melepaskan jawatannya dalam Kabinet, Chua berkata khabar angin mengenai kedudukannya dalam Kabinet bukan baru.

"Saya tidak memberi perhatian kepada perkara itu, ia tidak akan mengganggu kehidupan harian saya dan Saya akan terus memberi khidmat terbaik mengikut keupayaan saya," kata Chua yang juga naib presiden MCA ketika dihubungi.

Chua bagaimanapun berkata, terserahlah kepada perdana menteri untuk membuat keputusan mengenai jawatannya dalam Kabinet kerana itu adalah hak mutlak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Itu adalah hak mutlak perdana menteri dan saya menghormati apa pun keputusan yang dibuat oleh beliau," kata Chua.

Mengikut spekulasi, Chua akan melepaskan jawatannya dalam kabinet dan Datuk Chan Kong Choy (sekarang Timbalan Menteri Kewangan) akan dilantik sebagai Menteri Kesihatan. Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung mengambil alih tempat Datuk Chan sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Spekulasi juga menyatakan bahawa Timbalan yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng pula akan mengambil-alih tempat Datuk Chor sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Ura-ura mengenai rombakan jawatan kabinet menteri-menteri MCA menimbulkan tanda tanya baru kepada pergolakan yang berlaku dalam parti itu, terutama kemungkinan ia merupakan satu lagi usaha penyelesaian ke atas masalah dalaman parti itu.

Walaupun Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik enggan mengesahkan laporan itu, para pemerhati politik MCA berkata ia tetap menimbulkan tanda tanya.

"Ini kemungkinan merupakan satu lagi usaha mendamaikan masalah dalaman parti, lagipun khabar angin seperti ini jarang bertiup sekiranya tidak dilakukan oleh orang dalam," kata seorang ahli MCA Selangor yang enggan namanya disiarkan.

Katanya, perkara ini tidak mustahil memandangkan perkembangan sejak kebelakangan ini yang membabitkan masyarakat Cina seperti isu Siqiu, sekolah Cina dan tabung Chang Ming Tien.

"Sekiranya ini tidak ditangani segera, kemungkinan berlaku pertembungan dalam pemilihan pucuk pimpinan tahun depan tetap tidak dapat dielakkan.

"Jalan terbaik ialah selesaikan isu dalaman yang menjadi "Rahsia Terbuka" parti untuk menyatukan ahli-ahli parti dan gembungkan tenaga menangani ketidakpuasan itu kemudian," katanya.

Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee keat ketika dihubungi pula berkata beliau tidak mendengar spekulasi mengenai pertukaran jawatan kabinet MCA sebelum ini.

"Saya betul-betul tidak mendengar spekulasi ini, saya hanya tahu bila awak beritahu," katanya.

Ketua Pemuda MCA Selangor, Datuk Ch'ng Toh Eng yang dihubungi juga berkata beliau tidak tahu menahu mengetahui adanya spekulasi mengenai perkara itu sebelum ini.

Beliau yang hadir ketika sidang media oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik selepas mempengerusikan Mesyuarat MCA Selangor semalam

berkata "Saya hanya tahu semalam apabila reporter tanya kepada Dr Ling mengenai adanya spekulasi itu, sebelum ini memang tak dengar apa-apa pun," katanya.

Spekulasi seperti ini mungkin akan mengalami nasib yang sama, seperti isu perubahan jawatan parti MCA Oktober tahun lalu, apabila Dr Chan Kong Choy dikatakan akan dilantik sebagai Timbalan Presiden Parti dan Datuk Ong Ka Ting sebagai Setiausaha Agung parti.

Spekulasi itu mati begitu saja selepas beberapa ketika dan apabila pihak terbabit termasuk Setiausaha Agung parti Dr Ting Chew Peh serta Presiden parti Dr Ling Liong Sik menafikan perkara itu.

-- BERNAMA

AT ZS FAZ